

**Kerajaan Belum Putuskan Ambil Pekerja Asing Dari Bangladesh
Bernama
9 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Keputusan pengambilan pekerja asing dari Bangladesh ke negara ini belum dimuktamadkan dan perlu diteliti terlebih dahulu kerana mekanisme pengambilan akan dibuat antara kerajaan dengan kerajaan.

Keputusan ini dicapai pada Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing Dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) kali ke-8 yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin di Putrajaya pada Khamis.

Turut hadir Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri Pelancongan Datuk Seri Dr Ng Yen Yen dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, Kementerian Dalam Negeri dalam kenyataan di sini, berkata mesyuarat itu juga bersetuju supaya Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Dr S. Subramaniam mengetuai delegasi lawatan kerja ke Bangladesh bagi meninjau model dan sistem yang digunakan oleh kerajaan negara itu dan Republik Korea.

"Mekanisme perlu ditetapkan terlebih dahulu sebelum dibenarkan pengambilan pekerja asing warganegara Bangladesh," kata kenyataan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687017>

